

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan Haji Ahmad Lai bin  
Bujang  
[ Sibuti ]**

**NO. SOALAN : 199**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan senarai kemas kini 2013 dan 2014 peruntukan yang telah disalurkan ke Parlimen Sibuti bagi program iaitu Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Bantuan Rumah (PBR), Program Pembangunan Masyarakat Setempat, Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), Program Pembangunan Minda Insan (PPMI), Program Makanan Tambahan Seimbang, Program Taman Asuhan Kanak-kanak dan Program ASB-Sejahtera.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memperuntukkan sejumlah **RM416.88juta** bagi pelaksanaan **Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR)** sepanjang tempoh pelaksanaan **Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di Negeri Sarawak** meliputi pelaksanaan **lima (5) program** iaitu Program Bantuan Rumah (PBR), Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK), Program Peningkatan Pendapatan (PPP), Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP) dan Program Pembangunan Minda Insan (PPMI).

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi Parlimen Sibuti sejumlah **RM2,163,378** telah diperuntukkan untuk tempoh **2013 sehingga 2014** bagi pelaksanaan program dengan pecahan seperti berikut;

- a) Bagi Program Peningkatan Pendapatan(PPP) sejumlah **RM195,000** telah diperuntukkan dan **seramai 21 peserta telah diberi bantuan;**

- b) Bagi Program Bantuan Rumah (PBR), sejumlah **RM1,814,000** telah diperuntukkan dengan **25 unit rumah telah dibina** dan **47 unit rumah telah dibaik pulih**;
- c) Bagi Program **ASB-Sejahtera** sejumlah **RM65,000** bagi **13 peserta** yang layak telah diproses; dan
- d) Bagi **Program Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)** sejumlah **RM 89,878** telah diperuntukkan bagi meliputi bantuan makanan tambahan, geran per kapita, geran per kapita Termiskin/miskin, elaun pembantu pengasuh dan peralatan taska kepada **dua (2) buah Taska PERMATA KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)**.

Manakala pelaksanaan PLKK, PKP dan PPMI adalah mengikut agensi pelaksana dan penyertaan adalah dari pelbagai parlimen. Untuk makluman, bagi Program Tambahan Makanan Seimbang (PTMS) tidak lagi dilaksanakan oleh Kementerian ini mulai RMKe-10.